

Kerusi Parlimen Gopeng Kekal Ditandingi Calon BN Dari MCA - Zambry Abdul Kadir Bernama
17 September, 2012

IPOH, 17 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) negeri Perak mengekalkan tradisi apabila memutuskan kerusi Parlimen Gopeng kekal ditandingi oleh MCA sebagai calon BN pada pilihan raya umum ke-13 nanti, kata Pengerusinya Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Beliau berkata Gopeng yang mempunyai majoriti pengundi masyarakat Cina itu akan diwakili oleh calon BN dari MCA dan yakin calon yang dikemukakan parti tersebut mengambil kira semua faktor.

"MCA akan mewakili BN dan saya yakin kali ini MCA akan meletakkan calon yang berwibawa, kerusi ini kita akan pastikan kembali kepada BN pada pilihan raya akan datang. (Kerusi) itu adalah kita (BN) punya tradisi, saya tidak mahu membuat spekulasi, kita mahu teruskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Gopeng di sini, pada Isnin.

Berdasarkan kaji selidik dan pelbagai program melibatkan rakyat serta semangat kesepaduan antara komponen BN terutama Umno di Gopeng, BN yakin kerusi itu boleh dirampas semula daripada pembangkang, katanya.

Zambry yang juga Menteri Besar Perak berkata beliau sentiasa mengikuti perkembangan bahagian Gopeng dan berpuas hati dengan perpaduan antara anggota Umno serta komponen BN lain kerana apa yang lebih penting adalah persiapan bagi memenangi pilihan raya umum kelak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695143>